

<p>LEMBARAN PENDEDAHAN PRODUK (PDS)</p> <p>Sila baca Lembaran Pendedahan Produk ini bersama-sama dengan Terma & Syarat Generik dan Khusus yang Terpakai untuk Semua Akaun / Produk / Perkhidmatan Deposit Islam dan Terma & Syarat Khusus yang Terpakai untuk Akaun Pelaburan Berjangka-i AFFIN sebelum anda memohon dan memutuskan untuk melanggan Akaun Pelaburan Berjangka-i AFFIN (AFFIN TIA-i).</p>	<p>VERSI BAHASA MELAYU</p> <p>Bank : AFFIN Islamic Bank Berhad Produk : Akaun Pelaburan Berjangka-i AFFIN (AFFIN TIA-i)</p> <p>Tidak dilindungi oleh Perbadanan Insurans Deposit Malaysia (PIDM)</p>
<p>PENTING / PENAFIAN</p> <p>INI ADALAH PRODUK AKAUN PELABURAN YANG TERIKAT DENGAN PRESTASI ASET PELABURAN DAN BUKAN PRODUK DEPOSIT</p>	
<p>1. APAKAH PRODUK INI?</p>	
<p>Kontrak Syariah yang diguna pakai</p>	<p>Produk ini berdasarkan prinsip Syariah Mudarabah, di bawah kategori Mudarabah Mutlaqah (Mudarabah Tidak Terhad).</p> <ul style="list-style-type: none"> Mudarabah ialah kontrak di mana Pelanggan (juga dikenali sebagai “Rabbul Mal” atau “Pelabur”) melantik Bank (juga dikenali sebagai “Mudarib” atau “Usahawan”) untuk dana yang telah didepositkan atau akan didepositkan oleh Pelanggan untuk pelaburan atau untuk aktiviti patuh Syariah yang lain. Keuntungan daripada pelaburan dalam aktiviti patuh Syariah akan dikongsi antara Bank dan Pelanggan mengikut nisbah perkongsian untung (“PSR”) yang dipersetujui. Jika terdapat kerugian daripada pelaburan, maka ini hendaklah ditanggung oleh Pelanggan kecuali dalam kes di mana terdapat bukti langsung salah laku, kecuaiian, atau pelanggaran syarat yang ditetapkan oleh Bank dalam menguruskan dana. Mudarabah Tidak Terhad di mana Rabbul Mal (Pelanggan/Pelabur) memberikan mandat kepada Bank untuk membuat keputusan pelaburan muktamad tanpa menyatakan sebarang sekatan atau syarat tertentu.
<p>Jenis Produk</p>	<ul style="list-style-type: none"> AFFIN TIA-i ialah akaun pelaburan tidak terhad dengan jumlah dan tempoh pelaburan tertentu di mana Pelabur memberikan mandat kepada Bank untuk membuat keputusan pelaburan muktamad tanpa menyatakan sebarang sekatan atau syarat tertentu.
<p>Pihak-Pihak Yang Terlibat Dalam Aktiviti Pelaburan, Peranan Dan Tanggungjawab</p>	<p>Pihak yang terlibat dalam pelaburan ini ialah Pelanggan sebagai Pelabur (Rabbul Mal) dan Bank sebagai usahawan (Mudarib), di mana:</p> <ul style="list-style-type: none"> Pelanggan akan melabur wang mereka dalam AFFIN TIA-i (“Dana Pelaburan”). Dana Pelaburan kemudiannya dilaburkan oleh Bank ke dalam kumpulan portfolio pembiayaan peribadi patuh Syariah Bank (Aset Pelaburan). Keuntungan yang dijana daripada pelaburan akan diagihkan kepada Pelanggan dan Bank berdasarkan PSR yang dipersetujui. Kerugian kewangan yang berkaitan dengan pelaburan (jika ada) akan ditanggung oleh Pelanggan manakala Bank mungkin mengalami kerugian dari segi kos dan masa. Bank tidak mengenakan sebarang fi pembrokeran.
<p>2. SIAPAKAH YANG SESUAI UNTUK PRODUK INI?</p>	
<p>Jenis Pelabur</p>	<p>Produk AFFIN TIA-i sesuai dengan jenis Pelanggan berikut yang mampu mengambil risiko rendah hingga sederhana ke atas pelaburan kerana pulangan akaun ini akan berdasarkan prestasi aset pelaburan:</p> <ul style="list-style-type: none"> Pelabur individu Pelabur korporat, termasuk PKS dan Institusi
<p>Kelayakan</p>	<ul style="list-style-type: none"> Individu (termasuk Akaun Bersama) – Berumur 18 tahun dan ke atas Pelanggan bukan Individu
<p>Tempoh Pegangan untuk Pelaburan</p>	<ul style="list-style-type: none"> Penebusan hendaklah apabila pelaburan matang. Pengeluaran pra-matang dibenarkan dengan syarat-syarat di bawah; <ol style="list-style-type: none"> Tiada keuntungan akan dibayar untuk mana-mana AFFIN TIA-i yang belum selesai tempoh pelaburannya. Selepas pengeluaran pramatang, akaun pelaburan akan ditamatkan/ditutup. Pengeluaran sebahagian daripada Akaun Pelaburan tidak dibenarkan.
<p>Perlindungan/ Jaminan Utama</p>	<ul style="list-style-type: none"> Prinsipal tidak dijamin oleh Bank Akaun ini diklasifikasikan di bawah produk “Pelaburan” berdasarkan kontrak Mudarabah yang tidak dijamin pada dasarnya, dan pulangan atau keuntungan (jika ada) akan berdasarkan aktiviti pelaburan.
<p>3. APAKAH YANG SAYA LABUR?</p>	
<p>Objektif Pelaburan</p>	<ul style="list-style-type: none"> Untuk memberikan pulangan yang stabil melalui pelaburan berisiko rendah hingga sederhana.
<p>Strategi Pelaburan</p>	<ul style="list-style-type: none"> Dana Pelaburan akan dilaburkan oleh Bank ke dalam kumpulan portfolio pembiayaan peribadi patuh Syariah Bank (Aset Pelaburan). Bank berhak untuk menukar akaun pembiayaan Aset Pelaburan pada bila-bila masa apabila perlu untuk mengekalkan Dana Pelaburan.

Matawang	<ul style="list-style-type: none"> Ringgit Malaysia (RM) 												
Penempatan /Jumlah Pelaburan Minimum	RM500.00												
Tempoh Pelaburan	Pelanggan boleh memilih sama ada 1, 3, 6, 9 atau 12 bulan.												
Nisbah Perkongsian Keuntungan (PSR)	<p>PSR Semasa</p> <table border="1"> <thead> <tr> <th>Tempoh Pelaburan</th> <th>1 Bulan</th> <th>3 Bulan</th> <th>6 Bulan</th> <th>9 Bulan</th> <th>12 Bulan</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td>PSR (Pelabur : Bank)</td> <td>43 : 57</td> <td>48 : 52</td> <td>49 : 51</td> <td>50 : 50</td> <td>50 : 50</td> </tr> </tbody> </table>	Tempoh Pelaburan	1 Bulan	3 Bulan	6 Bulan	9 Bulan	12 Bulan	PSR (Pelabur : Bank)	43 : 57	48 : 52	49 : 51	50 : 50	50 : 50
Tempoh Pelaburan	1 Bulan	3 Bulan	6 Bulan	9 Bulan	12 Bulan								
PSR (Pelabur : Bank)	43 : 57	48 : 52	49 : 51	50 : 50	50 : 50								
Kadar Keuntungan Indikatif Bersih	<p>Keuntungan Indikatif Semasa</p> <table border="1"> <thead> <tr> <th>Tempoh Pelaburan</th> <th>1 Bulan</th> <th>3 Bulan</th> <th>6 Bulan</th> <th>9 Bulan</th> <th>12 Bulan</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td>Kadar Keuntungan Indikatif Bersih</td> <td>2.19%</td> <td>2.44%</td> <td>2.50%</td> <td>2.55%</td> <td>2.55%</td> </tr> </tbody> </table> <p>Nota:</p> <ul style="list-style-type: none"> Keuntungan Indikatif hanya dianggap sebagai rujukan jangkaan pulangan yang akan diterima. Sebarang prestasi masa lalu tidak menunjukkan prestasi masa hadapan dan begitu juga, unjuran prestasi masa depan tidak menjamin prestasi sebenar. Jika Keuntungan Sebenar melebihi Keuntungan Indikatif, Pelabur bersetuju untuk mengetepikan lebihan keuntungan dan lebihan amaun akan dibayar kepada Bank. 	Tempoh Pelaburan	1 Bulan	3 Bulan	6 Bulan	9 Bulan	12 Bulan	Kadar Keuntungan Indikatif Bersih	2.19%	2.44%	2.50%	2.55%	2.55%
Tempoh Pelaburan	1 Bulan	3 Bulan	6 Bulan	9 Bulan	12 Bulan								
Kadar Keuntungan Indikatif Bersih	2.19%	2.44%	2.50%	2.55%	2.55%								
Contoh Pengiraan Keuntungan	<p>Contoh</p> <table border="1"> <thead> <tr> <th>Amaun Pelaburan</th> <th>Tempoh Pelaburan</th> <th>Tarikh Peletakan</th> <th>Tarikh matang</th> <th>PSR</th> <th>Kadar Kasar</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td>RM100,000.00</td> <td>12 bulan</td> <td>2 November 2024</td> <td>2 November 2025</td> <td>50:50</td> <td>5.09%</td> </tr> </tbody> </table> <p>Formula Pengiraan Untung:</p> <p>(Amaun Pelaburan) x (Kadar Kasar) x (PSR) x (Bilangan Hari/365) = Keuntungan</p> <p>Keuntungan Pelanggan : RM100,000 x 5.09% x 50% x 365/365 = RM2,544.99</p>	Amaun Pelaburan	Tempoh Pelaburan	Tarikh Peletakan	Tarikh matang	PSR	Kadar Kasar	RM100,000.00	12 bulan	2 November 2024	2 November 2025	50:50	5.09%
Amaun Pelaburan	Tempoh Pelaburan	Tarikh Peletakan	Tarikh matang	PSR	Kadar Kasar								
RM100,000.00	12 bulan	2 November 2024	2 November 2025	50:50	5.09%								
Kaedah Pembayaran Keuntungan	<ul style="list-style-type: none"> Keuntungan (jika ada) akan dibayar apabila pelaburan matang. Keuntungan (jika ada) akan dikreditkan ke dalam CASA-i /CASA Pelanggan. Pelanggan mempunyai pilihan untuk melabur semula keuntungan apabila Pelaburan matang. 												
Pembukaan Akaun	<p>Pelanggan Individu : Melalui kaunter dan Perbankan Internet Runcit AFFIN di AffinAlways.com.</p> <p>Pelanggan bukan Individu : Melalui kaunter</p>												
Pelaburan semula	<ul style="list-style-type: none"> Pelabur mempunyai pilihan untuk melabur semula Pelaburan secara automatik apabila matang seperti berikut: <ul style="list-style-type: none"> melabur semula jumlah prinsipal sahaja: baki prinsipal akan dilaburkan semula ke dalam Pelaburan pada Nisbah Perkongsian Keuntungan semasa Bank untuk tempoh Pelaburan yang sama. Sebarang keuntungan akan dikreditkan ke dalam CASA-i atau CASA Pelabur; atau melabur semula prinsipal dan keuntungan: baki prinsipal dan sebarang keuntungan akan dilaburkan semula ke dalam Pelaburan pada Nisbah Perkongsian Keuntungan semasa Bank untuk tempoh Pelaburan yang sama. Jika Pelabur memilih untuk tidak memperbaharui Pelaburan secara automatik, baki prinsipal dan sebarang keuntungan akan dikreditkan ke dalam CASA-i atau CASA yang dinamakan oleh Pelabur. 												
Penutupan Akaun/ Penebusan	<ul style="list-style-type: none"> Untuk peletakan AFFIN TIA-i di kaunter: Penutupan dan penebusan dana boleh dibuat di kaunter. Untuk peletakan AFFIN TIA-i melalui Perbankan Runcit Internet AFFIN: Penutupan dan penebusan dana boleh dibuat di Perbankan Internet Runcit AFFIN di AffinAlways.com. 												
4. APAKAH KEMUNGKINAN HASIL DARIPADA PELABURAN SAYA?													
<ul style="list-style-type: none"> Pelanggan mungkin berpotensi memperoleh keuntungan yang lebih tinggi dari prestasi positif Aset Pelaburan. Prinsipal dan pulangan pelaburan tidak dijamin sekiranya Aset Pelaburan mengalami kerugian atau tidak berprestasi seperti yang diharapkan. Kerugian kewangan hendaklah ditanggung oleh Pelanggan dengan syarat pulangan negatif atau kerugian kewangan tersebut bukan disebabkan oleh salah laku, kecaian, atau pelanggaran syarat yang ditetapkan oleh Bank. <p style="text-align: center;">"Prestasi pelaburan masa lalu bukanlah petunjuk prestasi masa depannya"</p> <p>a) Berdasarkan prestasi sejarah Pembiayaan Peribadi-i (PF-i), Pelabur akan menerima pulangan seperti yang diilustrasi di bawah berdasarkan PSR yang diberikan.</p>													

Akhir Tahun Kewangan	Pulangan atas Aset (ROA)
2021	2.88%
2022	2.60%
2023	2.04%
2024	1.73%

ILUSTRASI KEUNTUNGAN PELABURAN

PF-i didana oleh AFFIN TIA-i	Keuntungan Pembiayaan	Masuk Kira Semula / Kemerosotan / Peruntukan	Jumlah Untung/Rugi	PSR (Pelabur:Bank)	Pulangan kepada Pelabur
600,000,000	40,000,000	1,600,000	38,400,000	43 : 57	2.19% setahun

Amaun Pelaburan	RM100,000
Tarikh Efektif – Tarikh Matang	1/10/2024 – 1/11/2024
Tempoh/Jumlah Hari	1 bulan/30 hari
PSR (Pelabur:Bank)	43 : 57
Kadar Kasar	5.09% setahun
Keuntungan kepada Pelabur	$RM100,000 \times (5.09\% \times 43\%) \times 30/365 = \mathbf{RM179.89}$
Amaun Pelaburan dan Keuntungan pada Tarikh Matang	$RM100,000 + RM179.89 = \mathbf{RM100,179.89}$

ILUSTRASI KERUGIAN PELABURAN

PF-i didana oleh AFFIN TIA-i	Keuntungan Pembiayaan	Masuk Kira Semula / Kemerosotan / Peruntukan	Jumlah Untung/Rugi	PSR (Pelabur:Bank)	Pulangan kepada Pelabur
600,000,000	40,000,000	42,000,000	(2,000,000)	50 : 50	(1.20%) setahun

Amaun Pelaburan	RM100,000
Tarikh Efektif – Tarikh Matang	1/10/2024 – 1/11/2024
Tempoh/Jumlah Hari	1 bulan/30 hari
PSR (Pelabur:Bank)	43 : 57
Kadar Kasar	(1.20%) setahun
Keuntungan kepada Pelabur	$RM100,000 \times [(1.20\%) \times 100\%] \times 30/365 = \mathbf{(RM98.63)}$
Amaun Pelaburan dan Keuntungan pada Tarikh Matang	$RM100,000 - RM98.63 = \mathbf{RM99,901.37}$

b) Kemungkinan keuntungan dan kerugian masa hadapan

Kadar Polisi Semalaman (OPR)

Tertinggi : 3.25%

Terendah : 1.75%

Sederhana : 2.50% (nombor purata antara OPR tertinggi dan terendah)

Jadual 1: Keadaan Pasaran Terbaik		
Andaian Kadar Kasar	PSR (Pelabur:Bank)	Pulangan kepada Pelabur
6.70% setahun (SBR 3.25% + 3.45%)	50 : 50	3.35% setahun

Jadual 1: Keadaan Pasaran Mendatar		
Andaian Kadar Kasar	PSR (Pelabur:Bank)	Pulangan kepada Pelabur
5.55% setahun (SBR 2.50% + 3.05%)	50 : 50	2.78% setahun

Jadual 1: Keadaan Pasaran Terburuk		
Andaian Kadar Kasar	PSR (Pelabur:Bank)	Pulangan kepada Pelabur
4.40% setahun (SBR 1.75% + 2.65%)	50 : 50	2.22% setahun

Nota:

- Nombor di atas adalah untuk tujuan ilustrasi sahaja.
- Laporan prestasi Pelaburan akan disediakan kepada Pelanggan di laman web Bank di AffinAlways.com.
- Keuntungan akan diagihkan selepas menggunakan PSR efektif pada prestasi Dana Pelaburan. Kerugian yang timbul daripada pelaburan hendaklah ditanggung oleh Pelanggan, melainkan ia disebabkan oleh salah laku, kecauan, atau pelanggaran syarat yang ditetapkan oleh Bank.

5. APAKAH RISIKO-RISIKO UTAMA BERKAITAN DENGAN PRODUK?

Walaupun Bank akan memberi penekanan kepada kawalan pengurusan risiko ke atas aktiviti perundangan dan operasi, peruntukan aset, objektif pelaburan, penilaian, prestasi dan pemantauan, dan lain-lain seperti yang dipandu dalam Polisi Pelaburan BNM.

Pelanggan dinasihatkan untuk mempertimbangkan dengan teliti dan harus sedar daripada semua faktor risiko berikut yang dikaitkan dengan AFFIN TIA-i sebelum membuat pelaburan.

Risiko berikut mungkin berlaku yang boleh menyebabkan kerugian kepada Pelaburan: -

Risiko Kehilangan Modal	Sebarang pelaburan boleh mendedahkan Pelabur kepada risiko kerugian modal, tertakluk kepada prestasi Aset Pelaburan.
Risiko Pasaran	Aset Dilabur tertakluk kepada turun naik dalam kadar pasaran, yang mempunyai potensi kesan pergerakan harga (kadar keuntungan, kadar pertukaran - jika ada) dan prestasi pendapatan keseluruhan Aset Pelaburan.
Risiko Kecairan	Risiko sedemikian berlaku apabila pengeluaran/penebusan melebihi amaun pelaburan.
Risiko Kredit	<ul style="list-style-type: none"> • Risiko ini mungkin timbul apabila sejumlah besar aset untuk Aset Pelaburan menjadi lalai. • Risiko ini terpakai sekiranya peruntukan aset yang akan dilaburkan tidak sejajar dengan pergerakan pasaran.

Risiko Ketidapatuhan Peraturan	Keadaan sedemikian berlaku apabila pelaburan gagal mematuhi parameter pelaburan yang ditetapkan oleh pengawal selia yang berkaitan.
Risiko Ketidapatuhan Syariah	Kegagalan untuk mematuhi ketetapan Syariah Majlis Penasihat Syariah BNM atau Jawatankuasa Syariah Bank boleh mengakibatkan pelanggaran.
Risiko Negara	Kestabilan politik dan ekonomi negara boleh mempengaruhi pertumbuhan dan prestasi Aset Pelaburan.
Risiko Industri/Sektor	Setiap industri/sector terdedah kepada pelbagai elemen risiko.

6. APAKAH FI DAN CAJ YANG TERLIBAT?

TIADA

7. APAKAH STRATEGI PENILAIAN YANG DIGUNA PAKAI, KEKERAPAN & DI MANA PENILAIAN AKAN DITERBITKAN?

- Bank akan melaksanakan penilaian aset asas Aset Pelaburan mengikut Piawaian Pelaporan Kewangan Malaysia (MFRS) yang akan dijalankan setiap bulan.
- Laporan prestasi Dana akan diterbitkan di laman web kami di AffinAlways.com.
- Penyata Akaun boleh didapati di AffinAlways.com.
- Untuk Akaun Bersama, Penyata Akaun tersedia untuk Pemegang Akaun Utama di AffinAlways.com.

8. APAKAH YANG PERLU SAYA LAKUKAN SEKIRANYA TERDAPAT PERUBAHAN PADA BUTIRAN PERHUBUNGAN SAYA?

- Adalah penting untuk anda memaklumkan kami tentang sebarang perubahan dalam butiran peribadi anda untuk memastikan semua surat-menyurat sampai kepada anda tepat pada masanya.
- Pemberitahuan mestilah secara bertulis dan mel atau dihantar dengan tangan ke cawangan Affin Islamic Bank atau Affin Bank kami yang terdekat.

9. SIAPAKAH PATUT SAYA HUBUNGI UNTUK MAKLUMAT LANJUT ATAU UNTUK MEMBUAT ADUAN?

- Sekiranya anda memerlukan maklumat tambahan tentang produk ini, sila rujuk maklumat produk yang tersedia di semua cawangan Affin Islamic Bank atau Affin Bank terdekat kami atau layari AffinAlways.com atau www.Affingroup.com.
- Jika anda ingin membuat aduan mengenai produk atau perkhidmatan yang disediakan oleh kami, anda boleh mengisi "e-Borang untuk penyerahan maklum balas/aduan pelanggan" yang boleh didapati di laman web Bank di AffinAlways.com atau www.affingroup.com yang akan dinaikkan kepada Pengurusan Maklum Balas & Resolusi Pelanggan. Anda juga boleh menghubungi kami di:

Alamat: AFFIN ISLAMIC BANK Pengurusan Maklum Balas & Resolusi Pelanggan Level 9, Menara Affin, Lingkaran TRX, Tun Razak Exchange, 55188 Kuala Lumpur.	Pusat Perhubungan	03 – 8230 2222
	Waktu Operasi: 8:00 a.m. – 12:00 a.m. (Isnin – Jumaat)	
	E-mel	yourvoice@affingroup.com
	Laman Web	https://www.affingroup.com https://www.AffinAlways.com

- Jika pertanyaan atau aduan anda tidak kami selesaikan dengan memuaskan, anda boleh menghubungi Bank Negara Malaysia LINK di:

Alamat: BNMLINK Bank Negara Malaysia P.O. Box 10922 (Peti Surat 10922) 50929 Kuala Lumpur	Nombor telefon	1-300-88-5465
	Waktu Operasi: 9:00 a.m. – 5:00 p.m. (Isnin – Jumaat)	(1-300-88-LINK)
	No. Faksimili	03-2174 1515
	eLINK Borang Web	https://bnmlink.bnm.gov.my/

AMARAN

PULANGAN ATAS AKAUN PELABURAN INI AKAN DIJEJASKAN OLEH PRESTASI ASET PENDASARKAN. PRINSIPAL DAN PULANGAN ADALAH TIDAK DIJAMIN DAN RISIKO PELANGGAN TIDAK MENDAPAT PULANGAN SAMA SEKALI. JIKA PELABURAN DITEBUS AWAL, PELANGGAN MUNGKIN MENGALAMI KERUGIAN SEBAHAGIAN ATAU KESELURUHAN JUMLAH UTAMA YANG DILABURKAN.

AKAUN PELABURAN INI TIDAK DILINDUNGI OLEH PERBADANAN INSURANS DEPOSIT MALAYSIA

Maklumat yang diberikan dalam helaian pendedahan ini adalah sah pada **7 March 2025**.